




POLISI MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA (MSPO)

Selaras dengan visi Syarikat untuk menjadi Organisasi Perusahaan Sosial Termantap dalam sektor pertanian dan makanan, FELCRA Berhad komited di dalam memainkan peranannya untuk mematuhi keperluan pengeluaran minyak kelapa sawit yang mampan melalui proses Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Dengan ini, Pengurusan FELCRA Berhad akan meneraju dan memberikan komitmen yang sepenuhnya untuk mematuhi prinsip – prinsip utama Pensijilan MSPO sebagaimana berikut:-

- Prinsip 1: Komitmen dan Tanggungjawab Pengurusan
- Prinsip 2: Ketelusan
- Prinsip 3: Pematuhan Terhadap Perundangan dan Lain-Lain Keperluan
- Prinsip 4: Tanggungjawab Sosial, Kesihatan, Keselamatan dan Keadaan Pekerjaan
- Prinsip 5: Alam Sekitar, Sumber Semulajadi, Biodiversiti dan Perkhidmatan Ekosistem

Pengurusan FELCRA Berhad juga memberi komitmen untuk melaksanakan penambahbaikan secara berterusan dengan memanfaatkan dan membangunkan sumber manusia, proses dan teknologi bagi memastikan aktiviti pengeluaran minyak kelapa sawit dan rantaian bekalannya dilaksanakan dengan cara yang mampan.


(MOHAMED ISMI BIN ABDUL MAJID)
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
FELCRA BERHAD

Semakan: 05

Tarikh: 13 April 2026